

Jangan pandang remeh judi dalam talian - PM

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM** dan **FITRI NIZAM**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) diingatkan supaya tidak memandang rendah ancaman jenayah perjudian dalam talian yang boleh mengganggu gugat keselamatan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, walaupun masih mampu dikawal namun jenayah tersebut bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh oleh mana-mana pihak termasuk PDRM.

Katanya, hal itu disebabkan beberapa pemimpin tertinggi pasukan keselamatan beberapa negara jiran termasuk di Indonesia turut terbabit dalam jenayah tersebut sejak mutakhir ini.

“Negara jiran Indonesia beberapa bulan lalu, ada tokoh kanan polis terbabit aktiviti jenayah dan *online gambling* (perjudian dalam talian) dan beberapa hari lalu, ketua polis dan timbalan ketua polis berundur kerana terbabit jenayah serta *online gambling*.”

“Saya bukan hendak menakutkan KPN (Ketua Polis Negara) tapi maknanya bukan mudah pada zaman teknologi dan ancaman baharu negara,” katanya ketika berucap pada Hari Polis Ke-217 di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur, di sini semalam.

Turut hadir Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain; dan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Anwar berkata, walaupun Malaysia masih di tahap membanggakan, namun PDRM perlu bersiaga bagi mengha-



ANWAR Ibrahim menyampaikan Anugerah Juara Integriti kepada sebahagian anggota polis diiringi oleh Saifuddin Nasution (kiri), Razarudin Husain (kanan) sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-217 di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

“**Saya bukan hendak menakutkan KPN (Ketua Polis Negara) tapi maknanya bukan mudah pada zaman teknologi dan ancaman baharu negara.**”

ANWAR IBRAHIM

dapi ancaman teknologi.

“Jenayah komersial ini adalah sesuatu ancaman baharu dan lebih canggih.

“Polis dan seluruh jentera kerajaan hari ini, tanggungjawab kita harus menerima dengan sikap positif beberapa aspek baru seperti teknologi digital yang menjadi ancaman hebat,” katanya.

Sementara itu, Razarudin Husain berkata, PDRM memohon kerajaan mempertimbangkan penubuhan jabatan baharu berteraskan teknologi bagi menangani jenayah siber di negara ini.

Mengakui tugas dan tanggungjawab pasukan semakin

mencabar dan kompleks, Razarudin berkata, teknologi digital telah mengubah dunia dan landskap kehidupan.

Malah, katanya, perkembangan teknologi ini turut menyumbang kepada kepelbagaian trend jenayah baharu.

“Justeru, jabatan baharu yang berteraskan teknologi siber ini mampu memantapkan pasukan dalam berdepan trend jenayah terkini terutamanya kecerdasan buatan (AI).

“Kita berharap hasrat murni ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan agar kami (PDRM) dapat terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara,” katanya.